

# SOALAN-SOALAN LAZIM PENERAJU TEKNOLOGI SIJIL PROFESIONAL / INDUSTRI TAMBAHAN

## **BAHAGIAN 1: PENERAJU TEKNOLOGI SIJIL PROFESIONAL / INDUSTRI TAMBAHAN**

- A. BANTUAN AWAL PENGAJIAN
- B. PUSAT LATIHAN DAN BIDANG KURSUS

## **BAHAGIAN 2: PERMOHONAN**

- A. PERMOHONAN
- B. PENGHANTARAN DOKUMEN
- C. KEPUTUSAN

## **BAHAGIAN 1: PEMBIAYAAN**

### **A. MENGENAI PROGRAM**

#### **1. Apakah bentuk pembiayaan program Peneraju Teknologi Sijil Profesional / Industri Tambahan?**

Pembiayaan di bawah Program Peneraju Teknologi – adalah ditawarkan kepada pelajar tahun akhir Bumiputera yang berumur antara 18 sehingga 25 tahun yang sedang mengikuti pengajian peringkat ijazah di institusi pengajian tinggi di Malaysia untuk memperolehi pensijilan profesional atau industri dalam bidang teknologi. Melalui program ini lebih ramai Bumiputera yang mempunyai pensijilan profesional atau industri dalam bidang Teknologi akan dapat dihasilkan.

#### **2. Apakah definisi tahun akhir bagi program ini?**

Pelajar tahun akhir adalah merujuk kepada mana-mana pelajar yang sedang mengikuti tahun terakhir pengajian, bermula dari semester pertama tahun akhir sehingga pelajar tersebut menerima surat pengesahan / disahkan tamat pengajian dari pihak institusi.

#### **3. Saya sedang menjalani latihan industri. Adakah saya layak untuk memohon?**

Sekiranya pelajar tersebut sedang menjalani latihan industri sebelum tahun akhir pengajian bermula, pelajar perlu menunggu sehingga pendaftaran tahun akhir dibuat. Sekiranya pelajar menjalani latihan industri pada tahun akhir, pelajar adalah amat digalakan untuk memohon.

#### **4. Saya perlu menambah semester (extension) pengajian selepas tahun akhir. Adakah saya masih layak untuk memohon?**

Ya. Anda masih layak memohon sekiranya anda melepasi syarat-syarat permohonan yang ditetapkan dan belum menerima sebarang pengesahan tamat pengajian atau gagal berhenti dari pihak institusi.

#### **5. Apakah syarat-syarat untuk memohon program Peneraju Teknologi Sijil Profesional / Industri Tambahan?**

- Bumiputera warganegara Malaysia
- Calon berumur dari 18 hingga 25 tahun
- Pelajar Ijazah Sarjana Muda tahun akhir dalam bidang teknologi di institusi pengajian tinggi di Malaysia
- CGPA semasa tidak kurang dari 2.50

#### **6. Adakah terdapat bayaran yang dikenakan kepada calon yang berminat?**

Tidak. Program pembiayaan ini adalah program pembiayaan penuh sekiranya penerima faedah berjaya menamatkan program dan tidak melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan.

**7. Adakah pemohon yang sedang menerima tajaan dari pihak selain dari Yayasan Peneraju bagi tujuan pembiayaan pengajian tinggi mereka layak untuk memohon?**

Ya. Penerima biasiswa dari pihak lain bagi tujuan pengajian mereka di Institut Pengajian Tinggi adalah layak untuk memohon. Namun bagi mereka yang PERNAH atau SEDANG MENERIMA mana-mana tajaan program dari pihak Yayasan Peneraju adalah TIDAK DIBENARKAN untuk memohon.

**8. Adakah saya akan terikat dengan Yayasan Peneraju selepas tamat program ini?**

Tidak. Peserta tidak terikat dengan Yayasan Peneraju selepas tamat program.

**9. Adakah saya diperlukan untuk menandatangani sebarang bentuk kontrak atau perjanjian?**

Ya, perjanjian pembiayaan akan disediakan untuk semua peserta program.

**10. Bolehkah saya menolak tawaran sekiranya saya disenarai pendek untuk menyertai program ini?**

Boleh, selagi mana surat tawaran tidak ditandatangani dan dihantar ke pihak Yayasan Peneraju.

**11. Adakah sebarang tindakan akan dikenakan sekiranya saya melanggar isi kandungan kontrak?**

Peserta perlu membayar balik kesemua kos yang telah ditanggung oleh Yayasan Peneraju bagi tujuan pembiayaan program.

**12. Apakah jenis bantuan yang akan ditanggung sepanjang program berlangsung?**

- Yuran pengajian dan pensijilan sahaja

**B. INSTITUT/PUSAT LATIHAN**

**1. Institusi atau pusat latihan manakah yang diliputi di bawah program ini?**

Pelatih akan mengikuti latihan bersama Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) secara maya. Namun sekiranya terdapat sebarang keperluan untuk hadir ke kelas, pihak APU akan memaklumkan secara terus kepada pelajar

**2. Apakah bidang yang diliputi di bawah program ini?**

Cloud Solutions Architect Programme , Cybersecurity Engineer, Data Analyst Associate, Azure Developer Programme.

Pemohon hanya dibenarkan untuk mengikui SALAH SATU daripada program yang dinyatakan.

## BAHAGIAN 2: PENGHANTARAN DOKUMEN

### A. PERMOHONAN

**1. Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan?**

Calon perlu mengisi borang permohonan melalui pautan berikut: <https://forms.gle/KmxCbK2G5wak8fiNA>

**2. Apakah bentuk sesi Penilaian yang akan dijalankan?**

- Ujian penilaian kemasukan (penilaian teknikal) secara dalam talian
- Pengesahan dokumen

**3. Sekiranya saya berjaya, apakah proses selanjutnya?**

Semua calon yang berjaya akan dihubungi melalui telefon atau emel.

**4. Sekiranya saya tidak Berjaya, adakah saya akan dihubungi?**

Pemohon yang tidak berjaya tidak akan dihubungi.

### B. PENGHANTARAN DOKUMEN

**1. Apakah dokumen yang wajib disertakan bersama borang permohonan atas talian?**

- Satu (1) salinan sijil kelahiran pemohon, dan ibu bapa kandung
- Satu (1) salinan MyKad pemohon, dan ibu bapa kandung
- Satu (1) slip keputusan peperiksaan yang terkini
- Satu (1) slip gaji atau borang pengesahan pendapatan terkini ibu bapa / penjaga

**2. Apakah keperluan dokumen yang perlu disertakan dalam permohonan?**

Pemohon perlu memuat naik dokumen yang telah mempunyai “salinan disahkan benar” dan ditandatangani oleh pegawai yang bertaualiah. Dokumen yang dimuat naik atau dihantar kepada pihak Yayasan Peneraju atau wakilnya perlu jelas dan teratur. Setiap dokumen perlu dinamakan menggunakan nama penuh pemohon dengan huruf besar, serta jenis dokumen yang dilampirkan. Sila rujuk cara untuk memuatnaik dokumen di borang permohonan untuk maklumat lanjut.

**3. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya sijil kelahiran pelatih/ibu/bapa telah hilang atau rosak?**

Sekiranya sijil kelahiran telah hilang atau rosak, pelatih/ibu/bapa perlulah mendapatkan salinan baru atau membuat cabutan di Jabatan Pendaftaran Negara yang terdekat.

**4. Adakah dokumen perlu disahkan dan siapakah yang boleh mengesahkannya?**

Semua dokumen perlu disahkan oleh pihak institusi latihan atau oleh pihak Pengurusan Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri, pengurusan dan Professional (Kumpulan A), Pengamal Undang-Undang, Jaksa Pendamai, Pengetua/Guru Besar (Sekolah Kerajaan), Pegawai Polis berpangkat ASP ke atas, Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas, Penghulu, Ketua Kampung, Imam Masjid, Penggawa, Tuai Rumah, Ketua Kaum atau Mukim yang bertaualiah.

## C. KEPUTUSAN

**1. Bilakah keputusan permohonan yang berjaya akan dimaklumkan?**

Keputusan akan diumumkan secara berperingkat melalui wakil Yayasan Peneraju maksima 4 bulan selepas permohonan dibuat.

**2. Bagaimanakah keputusan akan dimaklumkan?**

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel. Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon bimbit yang dinyatakan dalam borang permohonan adalah betul dan terkini. Pemohon digalakkan untuk memeriksa emel dari masa ke semasa agar tidak terlepas apa-apa makluman daripada Yayasan Peneraju.

**3. Adakah rayuan boleh dilakukan sekiranya tidak berjaya?**

Keputusan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

**Sebarang persoalan lanjut daripada pihak Tuan/Puan mengenai Peneraju Teknologi Sijil Profesional / Industri Tambahan boleh dikemukakan kepada pihak APU melalui:**

**Telefon :** 03-8992 5397 (APU)

**Emel :** [peneraju@apu.edu.my](mailto:peneraju@apu.edu.my)